

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(VIII)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

1. Pemotongan dahan-dahan pokok dan selenggaraan di sepanjang jalan dalam SPU terutama jalan utama Pekan Darat dan Telok Air Tawar tidak dilaksanakan dengan teratur.
 - (a) Bagaimanakah pembahagian giliran kawasan untuk kerja-kerja yang dijalankan bagi penyelenggaraan dahan-dahan pokok dan pemotongan pokok mati di sekitar kawasan dalam SPU oleh MBSP?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. Pemotongan dahan-dahan pokok dan selenggaraan di sepanjang jalan dalam kawasan Seberang Perai Utara (SPU) terutamanya di jalan utama Pekan Darat dan jalan Telok Air Tawar dilaksanakan mengikut jadual sepertimana yang telah ditetapkan oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). Selain dilaksanakan penyelenggaraan secara berkala oleh Jabatan Landskap, penyelenggaraan pokok - pokok melibatkan kerja-kerja pemangkasan dan pemotongan pokok adalah berdasarkan pembahagian kawasan di SPU mengikut kawasan Parlimen Kepala Batas, Tasek Gelugor dan Bagan. Penyelenggaraan tersebut dibuat melalui pelantikan tiga (3) kontraktor oleh MBSP. Bagi lokasi pokok persendirian, secara dasarnya MBSP telah menetapkan kerja-kerja penyelenggaraan pokok-pokok persendirian dalam kawasan sekolah, Institut Pengajian Tinggi (IPT), hospital, agensi kerajaan, rumah ibadat, Jawatankuasa Kemajuan Kamuniti Kampung (JKKK), '*gated community*', kediaman bertingkat dan kawasan-kawasan lain sama ada hak milik persendirian atau kerajaan adalah di bawah tanggungjawab pemilik premis/ tanah tersebut.

- (a) Pembahagian giliran kawasan untuk kerja-kerja yang dijalankan bagi penyelenggaraan dahan-dahan pokok dan pemotongan pokok mati di sekitar kawasan dalam SPU oleh MBSP adalah berdasarkan perkara-perkara seperti berikut:

BIL.	SKOP KERJA	MASA/KEKERAPAN	KAWASAN/JALAN
1.	Rondaan dan Pemantauan		<u>Parlimen/DUN</u>
	(a) Rondaan dan pemantauan kakitangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan kontraktor lantikan PBT.	Mengikut jadual harian/tahunan	
2.	Pemangkasan		
	(a) Dahan dan ranting cedera, mati dan reput diserang serangga dan kulat. (b) Pangkasan untuk pembentukan, penggalakan dan pengawalan pokok.	Mengikut keperluan berjadual/sekali setahun	1. Kepala Batas i. Penaga; ii. Bertam; dan iii. Pinang Tunggal. 2. Tasek Gelugor
3.	Penebangan		
	(a) Pokok yang hampir mati atau yang telah mati. (b) Pokok yang mendatangkan bahaya kepada keselamatan awam. (c) Menjalankan siasatan tapak ke atas aduan yang diterima, mengenal pasti tahap risiko pokok-pokok dan menganalisis tindakan yang perlu sebelum sebarang tindakan dilaksanakan.	Satu (1) hingga tiga (3) hari	i. Telok Air Tawar; ii. Sungai Dua; dan iii. Permatang Berangan. 3. Bagan i. Bagan Jermal; ii. Sungai Puyu; dan iii. Bagan Dalam. A. Taman-taman perumahan di Jalan Bandaran/Jalan Negeri/Jalan

	(d) Dengan kebenaran bertulis dan tertakluk pada syarat yang dikeluarkan oleh PBT kecuali pokok-pokok yang tertakluk di bawah Perintah Pemeliharaan Pokok Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 1995 [Akta 933].		Persekutuan (<i>one-off</i>).
4.	Aduan		
	(a) Jika melibatkan pokok-pokok yang telah mati atau membahayakan orang awam, tindakan akan dilaksanakan dari tarikh aduan diterima.	Tempoh 24 jam bagi kecemasan/Mengikut keperluan	

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(VIII)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

2. Penyelenggaraan dan baik pulih jalan raya di sekitar SPU terutama Jalan Permatang Tok Gelam dan jalan utama Telok Air Tawar.
 - (a) Apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh pihak JKR bagi mengurangkan masalah jalan bertampung dan tidak rata akibat daripada kesan korek dan tampung?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. Kerja-kerja penyelenggaraan di Jalan Permatang Tok Gelam telah disenaraikan dalam perancangan untuk kerja tahun 2024 Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang (JKRPP) dan akan dilaksanakan setelah peruntukan diterima. Manakala, bagi Jalan Telok Air Tawar pula, kerja-kerja penyelenggaraan telah dilaksanakan pada tahun 2023. JKR Seberang Perai Utara (JKR SPU) juga kini sedang melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan untuk tahun semasa di jalan ini.
 - (a) Bagi memastikan pihak utiliti yang menjalankan kerja-kerja korekan membuat turapan semula mengikut piawaian JKR, JKRPP melaksanakan pemantauan dan penilaian di tapak. Wang cagaran/deposit kerja boleh dirampas jika kontraktor tidak memenuhi piawaian.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(VIII)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

3. Papan tanda berhampiran bulatan jalan raya Seberang Jaya yang tidak relevan.
- (a) Adakah dilihat relevan meletakkan papan tanda berhampiran bulatan jalan raya Seberang Jaya yang merupakan kawasan sibuk dan sering kali berlaku kemalangan kerana mengganggu konsentrasi para pengguna jalan tersebut?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. (a) Pemasangan/peletakan papan iklan berhampiran bulatan jalan raya Seberang Jaya dilihat relevan memandangkan kelulusan pemasangan/peletakan tersebut menepati kehendak dan spesifikasi teknikal yang telah ditetapkan seperti berikut:
- (i) Saiz papan iklan adalah dalam kategori sederhana (20 kaki x 20 kaki);
 - (ii) Luas paparan iklan tidak melebihi 400 kaki persegi bagi setiap muka;
 - (iii) Ketinggian keseluruhan struktur iklan tidak melebihi 12 meter (60 kaki);
 - (iv) Mempunyai anjakan melebihi 3 meter dari bahu jalan atau pejalan kaki;
 - (v) Papan iklan tidak berada dalam lingkungan 15 meter dari mana-mana persimpangan;

- (vi) Papan iklan mempunyai anjakan melebihi 3 meter dari *slip road*;
- (vii) Papan iklan tidak berada pada jarak 60 meter dari mana-mana bangunan kediaman;
- (viii) Papan iklan tidak berada pada jarak 300 meter dari mana-mana taman awam;
- (ix) Papan iklan tidak berada pada jarak 300 meter dari kawasan warisan; dan
- (x) Papan iklan tidak menghalang atau melindungi pandangan bangunan warisan/bangunan kerajaan/struktur bangunan bercirikan seni bina menarik/tidak menutupi mercu tanda sesuatu kawasan/menutupi program-program lanskap bandar.

Selain itu, pemasangan/peletakan papan iklan tersebut juga telah mendapat sokongan jabatan-jabatan teknikal berkaitan serta mempunyai pengesahan daripada jurutera bertauliah yang sah.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(VIII)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

4. Sering kali berlaku kemalangan di jalan utama Telok Air Tawar berhampiran Sekolah St Mark. Bagaimanakah cara yang boleh dilakukan oleh pihak JKR bagi mencegah atau mengurangkan risiko berlakunya kemalangan di kawasan Sekolah St Mark?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. Kerajaan Negeri mengambil maklum akan insiden kemalangan jalan raya di jalan utama Telok Air Tawar terutamanya berhampiran Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) St. Mark. Pemantauan di tapak oleh Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang (JKRPP) mendapati bahawa terdapat jalan tidak rata di kawasan tersebut yang disebabkan oleh kerja-kerja pengorekan pihak ketiga (utiliti). Bagi memastikan jalan di kawasan tersebut berada dalam keadaan baik dan selamat untuk digunakan, JKRPP kini sedang melaksanakan kerja-kerja penurapan jalan secara kopak dan tampal (*mill and pave*) termasuk beberapa penambahbaikan lain seperti mengecat garisan jalan, menebalkan jalur rentas (*tranverse bar*) sedia ada dan memasang papan tanda had laju. JKRPP sentiasa memantau keadaan jalan dan melaksanakan kerja-kerja pembaikan berdasarkan keperluan semasa dan ketersediaan peruntukan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(VIII)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

5. Taman permainan dan rekreasi.
- (a) Apakah rancangan penambahbaikan oleh Kerajaan Negeri di kawasan taman rekreasi yang sedia ada seperti Taman Bukit Panchor, Taman Rekreasi Bagan dan lain-lain?
 - (b) Adakah pemantauan dan penyelenggaraan dilaksanakan di setiap taman rekreasi dan juga peralatan mainan yang diletak di padang seluruh Pulau Pinang?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. (a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang sememangnya mempunyai perancangan untuk menaik taraf fasiliti dan kemudahan baharu di Taman Negeri Bukit Panchor yang terletak di kawasan Seberang Perai Selatan iaitu melalui pembinaan laluan pejalan kaki sehingga ke Bukit Panchor. Status pembinaan laluan pejalan kaki tersebut masih dalam pembinaan berfasa yang telah bermula sejak tahun 2023.

Bagi taman rekreasi lain dan taman permainan yang terdapat di kawasan Seberang Perai pula, ia terletak di bawah pentadbiran Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). Kerja-kerja naik taraf turut dilaksanakan oleh MBSP bagi menjamin keselesaan dan keselamatan pengunjung. Perincian status kerja-kerja menaik taraf mengikut lokasi yang dilaksanakan oleh pihak MBSP adalah seperti di **Lampiran A**.

- (b) Ya, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sentiasa mengambil berat dalam melaksanakan pemantauan dan penyelenggaraan di setiap taman rekreasi dan taman permainan yang terletak di negeri Pulau Pinang.

Kerja-kerja menaik taraf dan penyelenggaraan tersebut melibatkan kemudahan-kemudahan asas sedia ada seperti bangunan pejabat pentadbiran, tandas awam, pondok rehat, kolam mandi, tapak perkhemahan, alat senaman luar, alat permainan kanak-kanak, memotong dahan-dahan pokok yang membahayakan keselamatan pengunjung, pembersihan sampah, gerai-gerai serta kemudahan premis lain. Selain itu, mewujudkan kemudahan baharu untuk aktiviti rekreasi seperti denai hutan dan laluan pejalan kaki di kawasan taman rekreasi.

Di samping itu, pemantauan juga dilaksanakan secara berkala mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh agensi masing-masing. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat aduan kecemasan, arahan kerja akan dikeluarkan untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan demi menjaga keselamatan pengunjung.

Selain itu, pemantauan susulan juga turut dilakukan dengan kekerapan dua (2) kali sebulan bagi taman rekreasi dan taman permainan yang telah selesai dinaik taraf atau diselenggara bagi memastikan kerosakan yang berlaku dalam tempoh liabiliti kecacatan dapat diambil tindakan pembaikan segera oleh kontraktor yang dilantik.

LAMPIRAN A

**STATUS KERJA-KERJA MENAIK TARAF KEMUDAHAN TAMAN REAKREASI DAN
TAMAN PERMAINAN MENGIKUT LOKASI YANG DILAKSANAKAN OLEH
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

DAERAH	BIL	TAMAN REKREASI	TARIKH MULA	TARIKH AKHIR	CATATAN
SEBERANG PERAI UTARA	1.	Anjung Bagan, Jalan Bagan Luar, Butterworth, Seberang Perai Utara	23.05.2013	06.08.2013	Selesai
	2.	Taman Tugu Kota Demokrasi Bagan, Jalan Permatang Pauh, Seberang Perai Utara	08.09.2011	21.12.2011	Selesai
	3.	Taman Rekreasi Pantai Robina, Teluk Air Tawar, Seberang Perai Utara	09.08.2021	23.01.2022	Selesai
	4.	Lebuh Benggali (Pocket Park), Butterworth, Seberang Perai Utara	09.11.2016	30.01.2017	Selesai
	5.	Rain Garden, Butterworth, Seberang Perai Utara	26.03.2017	09.09.2017	Selesai
	6.	Art Walk, Butterworth, Seberang Perai Utara	10.01.2017	01.07.2017	Selesai
	7.	Vision Park, Bertam, Kepala Batas, Seberang Perai Utara	Dalam tindakan		
	8.	Taman Pantai, Jalan Pantai, Butterworth, Seberang Perai Utara	Dalam proses perolehan		
	9.	Pantai Kamloon, Bumbung Lima, Kepala Batas, Seberang Perai Utara	Dalam tindakan Jabatan Pengairan dan Saliran		
	10.	Kawasan Lapang Lorong Shahbandar 3, Taman Bertam Perdana, Bertam Perdana, Kepala Batas, Seberang Perai Utara	16.06.2022	05.10.2022	Selesai
	11.	Kawasan Lapang Persiaran 3/9, Bandar Putra Bertam, Kepala Batas, Seberang Perai Utara	23.08.2022	14.11.2022	Selesai

DAERAH	BIL	TAMAN REKREASI	TARIKH MULA	TARIKH AKHIR	CATATAN
	12.	Kawasan Lapang Persiaran Seksyen 5/5, Taman Bertam Putra, Kepala Batas, Seberang Perai Utara	16.08.2022	07.11.2022	Selesai
	13.	Kawasan Lapang Lorong Baiduri 11, Taman Kempas, Butterworth, Seberang Perai Utara	15.09.2022	07.12.2022	Selesai
	14.	Kawasan Lapang Lorong Shahbandar 3, Taman Bertam Perdana, Kepala Batas, Seberang Perai Utara	02.05.2023	24.07.2023	Selesai
	15.	Kawasan Lapang Taman Seri Desa, Tasek Gelugor, Seberang Perai Utara	01.06.2023	12.07.2023	Selesai
	16.	Kawasan Lapang Jalan Meranti, Taman Meranti, Bagan Ajam, Seberang Perai Utara	28.07.2023	05.10.2023	Selesai
	17.	Kawasan Lapang Jalan Bagan 45, Taman Bagan, Seberang Perai Utara	21.06.2023	12.09.2023	Selesai
	18.	Kawasan Lapang Lorong Temenggong 1, Taman Koskam, Seberang Perai Utara	Dalam proses perolehan		
	19.	Kawasan Lapang Lorong Teluk Air Tawar 1, Taman Air Tawar Indah, Teluk Air Tawar, Seberang Perai Utara	Dalam proses perolehan		
	20.	Atas Sebahagian Lot 3235 Mukim 12, Jalan Permatang Manggis, Tasek Gelugor, Seberang Perai Utara	Dalam proses perolehan		
	21.	Kawasan Lapang Lorong Penaga Permai 22, Taman Penaga Permai, Seberang Perai Utara	Dalam proses perolehan		
	22.	Jalan Bagan Lalang, Mak Mandin dan di Lorong Riag, Taman Riag, Seberang Perai Utara	Dalam proses perolehan		
	23.	Bekalan Alat Senaman Dari Jenis 'Outdoor Gym' Di Kawasan-Kawasan	Dalam proses perolehan		

DAERAH	BIL	TAMAN REKREASI	TARIKH MULA	TARIKH AKHIR	CATATAN
		Lapang Dan Taman-Taman Rekreasi Awam			
	24.	Bekalan Alat Permainan Bersepadu Dan ' <i>Loose Item</i> ' Di Kawasan-Kawasan Lapang Dan Taman-Taman Rekreasi Awam			Dalam proses perolehan

DAERAH	BIL	TAMAN REKREASI	TARIKH MULA	TARIKH AKHIR	CATATAN
SEBERANG PERAI TENGAH	1.	Upcycle Park, Bandar Perda, Seberang Perai Tengah	15.12.2017	10.03.2018	Selesai
	2.	Laluan Khas Berbasikal (Bourgenvilla - UCLG), Bandar Perda, Seberang Perai Tengah	01.08.2019	15.01.2022	Selesai
	3.	People's Aquarium, Seberang Perai Tengah	24.11.2021	31.12.2021	Selesai
	4.	Kolam Tekoma, Bandar Perda, SPT (kawasan hijau: 2.702 tasik: 5.001 (pdg kejiranan), Seberang Perai Tengah	28.11.2022	16.04.2023	Selesai
	5.	Taman Bandar Ampang Jajar, Permatang Pauh, Seberang Perai Tengah	12.07.2023	14.11.2023	Selesai
	6.	Taman Tunku, Seberang Jaya, Seberang Perai Tengah	20.09.2019	08.08.2023	Selesai
	7.	Taman Rekreasi Sembilang, Seberang Jaya, Seberang Perai Tengah	17.09.2021	18.01.2022	Selesai
	8.	Taman Rekreasi PBAPP Bukit DO, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah	22.07.2013	03.11.2014	Selesai
	9.	Laman Hijauan Perai, Taman Kimsar, Seberang Perai Tengah	14.07.2019	07.02.2022	Selesai
	10.	Taman Rekreasi Bukit Indah, Seberang Perai Tengah	15.09.2022	07.12.2022	Selesai
	11.	Empangan Tasik Mengkuang, Seberang Perai Tengah	Dalam tindakan Perbadanan Bekalan Air		
	12.	Taman Rimba Cherok To' Kun, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah	Dalam tindakan Jabatan Perhutanan Negeri		

13.	Taman Rekreasi Taman Bukit Indah, Tingkat Indah 1, Seberang Perai Tengah	15.09.2022	07.12.2023	Selesai
14.	Kawasan lapang Jalan Sejahtera 4, Taman Sejahtera, Alma, Seberang Perai Tengah	16.08.2022	07.11.2022	Selesai
15.	Kawasan lapang Lorong Kota Permai 6, Taman Kota Permai, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah	15.09.2022	07.12.2022	Selesai
16.	Kolam tadahan basah (Taman Tekoma), Jalan Perda Utama, Bandar Perda, Seberang Perai Tengah	28.11.2022	20.05.2023	Selesai
17.	Taman Rekreasi Ampang Jajar, Permatang Pauh, Seberang Perai Tengah	12.07.2023	14.11.2023	Selesai
18.	Pesisir Sungai Perai (Taman Inderawasih - Taman Kimsar), Perai, Seberang Perai Tengah	28.11.2022	30.04.2023	Selesai
19.	Kawasan lapang Lorong Akasia 15, Taman Seri Akasia, Seberang Perai Tengah	01.09.2023	18.01.2024	Selesai
20.	Kawasan lapang Lorong Impian 9, Taman Impian, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah	01.02.2023	28.03.2023	Selesai
21.	Kawasan lapang Lorong Budiman 10, Taman Budiman, Seberang Perai Tengah	Dalam proses perolehan		
22.	Kawasan Lapang Lorong Arowana 1, Taman Arowana, Seberang Perai Tengah	Dalam proses perolehan		
23.	Kawasan Lapang Persiaran Perpaduan, Taman Perpaduan, Seberang Perai Tengah	Dalam proses perolehan		

DAERAH	BIL	TAMAN REKREASI	TARIKH MULA	TARIKH AKHIR	CATATAN
SEBERANG PERAI SELATAN	1.	Taman Rekreasi Kg Sanglang, Seberang Perai Selatan	14.03.2017	25.12.2017	Selesai
	2.	Taman Kejiranan Awam Valdor, Butterworth, Seberang Perai Selatan	20.09.2016	15.11.2016	Selesai
	3.	Taman Rekreasi Ampang Jajar Kerian, Seberang Perai Selatan	03.08.2021	31.02.2021	Selesai
	4.	Taman Negeri Bukit Panchor, Seberang Perai Selatan	Jabatan Perhutanan Negeri		
	5.	Kawasan lapang Jalan Bukit Panchor, Taman Bukit Panchor, Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan	15.09.2022	07.12.2023	Selesai
	6.	Kawasan lapang Lorong Bakap Indah 6, Taman Bakap Indah, Sungai Jawi, Seberang Perai Selatan	16.08.2022	07.11.2022	Selesai
	7.	Kawasan Lapang Lorong Belibis 32, Taman Tangling, Seberang Perai Selatan.	21.06.2023	12.09.2023	Selesai
	8.	Kawasan Lapang Jalan Idaman 3, Taman Idaman, Simpang Ampat, Seberang Perai Selatan	02.10.2023	23.01.2024	Selesai
	9.	Kampung Kebun Baru, Jalan Byram, Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan	15.12.2023	07.03.2024	Selesai
	10.	Kawasan Lapang Taman Rebana, Seberang Perai Selatan	24.10.2023	04.12.2023	Selesai
	11.	Lorong Seri Saujana, Taman Seri Saujana, Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan	15.12.2023	07.03.2024	Selesai
	12.	Kawasan lapang Lorong Widuri 18, Taman Widuri, Seberang Perai Selatan	Dalam proses perolehan		

	13.	Kawasan lapang Lorong Tambun Jaya 1, Taman Tambun Jaya, Seberang Perai Selatan	Dalam proses perolehan
--	-----	--	------------------------

**MESYUARAT KETIGA PENGGAL KELIMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(VIII)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

6. Apakah inisiatif Kerajaan Negeri bagi mempromosikan semula dan menaik taraf Ecotourism River Cruise di Pengkalan Machang Sungai Dua dan Air Itam yang dilihat sudah tidak beroperasi?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Program-program eko-pelancongan yang dilaksanakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri banyak menumpukan kepada aktiviti-aktiviti kesedaran, pembelajaran dan peluang beriadah kepada orang ramai di kesemua Taman-taman Rimba di negeri Pulau Pinang. Kesemua Taman-Taman Rimba ini dibuka kepada orang ramai secara percuma bagi merencanakan kegiatan eko-pelancongan di kawasan setempat.

Salah satu Taman Rimba ini yang terletak di hulu Sungai Perai ialah Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam seluas 11.67 hektar di Daerah Seberang Perai Utara yang diselia oleh Jabatan Perhutanan Negeri. Keunikan taman ini yang dikelilingi oleh dirian Hutan Nipah menjadikan tempat ini sebagai salah satu destinasi persinggahan burung-burung hijrah atau migrasi serta menjadi lokasi penting bagi penggemar pemerhati burung untuk berkunjung ke sini. Bagi menyediakan kemudahan dan prasarana yang baik kepada pengunjung, sejumlah RM 800,000 telah diperuntukkan bagi tempoh lima (5) tahun iaitu 2020 hingga 2024 (**Jadual 1**) untuk tujuan menyelenggara dan menaik taraf kemudahan sedia di taman ini. Ini termasuklah menyediakan bahan pameran baru untuk tujuan pembelajaran.

Bagi tempoh jangka masa panjang, Kerajaan telahewartakan seluas 30.123 hektar sebagai kawasan dirian nipah di sekeliling Hutan Pelajaran ini sebagai Hutan Simpanan Kekal pada 15 Disember 2022 dan

menjadikan Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam sebagai satu-satunya hutan paya air tawar yang diwartakan di negeri Pulau Pinang dan menjadikan kawasan ini sebagai kawasan penting dalam pembelajaran dan penyelidikan hutan paya air tawar di negeri ini.

Pihak Jabatan juga telah mendapat kerjasama pihak Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) untuk membina jeti terapung bagi merencanakan kegiatan ekopelancongan dan *ecotourism River Cruise* di sepanjang Sungai Perai. Buat masa ini, jeti terapung telah siap dibina dan menjadi tarikan tambahan di Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam sejak tahun 2023.

Selain daripada itu, pihak Jabatan sedang melaksana kerja-kerja menaik taraf dengan membina dewan terbuka sebagai kemudahan baharu pada tahun 2024. Kemudahan ini sekali gus dapat menyediakan kemudahan ruang pembelajaran oleh orang awam menerusi program-program yang dilaksanakan di Hutan Pelajaran ini.

Jadual 1: Peruntukan Bajet Pembangunan RMK-12 (P09) Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang bagi Pembangunan Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam dari Tahun 2020 sehingga Tahun 2024

Lokasi	Peruntukan Pembangunan Negeri P.09 (RM)					Jumlah (RM)
	2020	2021	2022	2023	2024	
Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam	50,000	50,000	200,000	200,000	300,000	800,000

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(VIII)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

7. Kawasan tumpuan orang ramai di Kampung Tersusun, Telok Air Tawar yang dilihat berpotensi dimajukan sebagai tempat daya tarikan pelancongan.
- (a) Apakah bantuan dan cara yang boleh dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk menjadikan kawasan Kampung Tersusun, Telok Air Tawar sebagai salah satu destinasi pelancongan?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Kampung Tersusun Telok Air Tawar merupakan sebuah perkampungan tradisional yang terletak di belakang Masjid Jamek Telok Air Tawar. Ia adalah sebuah perkampungan tradisional yang kaya dengan landskap alam semulajadinya.
- (a) Majlis Bandaraya Seberang Perai akan menganjurkan program bersama komuniti Kampung Tersusun khususnya nelayan-nelayan di kawasan berkenaan pada September 2024 sebagai salah satu inisiatif bagi membantu mempromosikan kawasan tersebut.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(VIII)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

8. Pengusaha nira nipah.
- (a) Senaraikan pengusaha nira nipah yang terdapat dalam kawasan Pulau Pinang.
 - (b) Apakah peluang-peluang yang ada bagi pengusaha nira nipah ini untuk mengkomersialkan produk mereka dan dijadikan salah satu destinasi pelancongan?

**YB RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. (a) Kita sedia maklum terdapat ramai pengusaha nira nipah di Pulau Pinang. Namun begitu, hanya terdapat seorang pengusaha nira nipah yang berdaftar dengan Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang iaitu Encik Osman Md Isa yang beralamat di Kampung Tepi Laut, Pasir Gebu, Penaga, Seberang Perai Utara (SPU).
- (b) Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang sentiasa mengambil berat tentang pengusaha-pengusaha nira nipah di Pulau Pinang. Antaranya, Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang sentiasa menyalurkan bantuan input dan infrastruktur bagi meningkatkan pengeluaran dan pendapatan pengusaha nira nipah. Selain daripada itu, pihak Jabatan Pertanian Negeri juga sentiasa memberi sokongan dan galakan kepada semua pengusaha yang berminat untuk mengkomersial produk dengan membantu dari segi promosi produk-produk. Tambahan pula, pelbagai jabatan dan agensi

juga sentiasa menyokong pengusaha nira nipah yang berminat untuk menjadikan produk mereka sebagai destinasi pelancongan. Pihak Kerajaan Negeri melalui pelbagai Agensi juga amat menggalakkan dan menyokong hasrat dan usaha murni ke arah menjadikan produk ini sebagai salah satu tarikan pelancongan di Pulau Pinang. Sebagai contoh, Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang sentiasa bergerak aktif dalam menyalurkan input berkaitan pengkomersialan nira nipah kepada pengusaha-pengusaha nira nipah di Pulau Pinang.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(VIII)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

9. Senaraikan tempat-tempat potensi yang boleh dijadikan tarikan sebagai taman rekreasi melihat kelip-kelip dalam Pulau Pinang.

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. Tempat yang berpotensi yang boleh dijadikan tarikan sebagai taman rekreasi adalah di Taman Rekreasi Awam Ampang Jajar, Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan. Hal ini adalah kerana spesis pokok bakau jenis berembang atau nama saintifiknya *Sonneratia Caseolaris* didapati di kawasan berkenaan dan bersesuaian untuk habitat kelip-kelip.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(VIII)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

10. Pemuliharaan ekosistem laut yang terjejas teruk di Pulau Pinang.
- (a) Bolehkah pihak Kerajaan Negeri mewartakan kawasan larangan atau menambahkan kawasan lindungan tanaman paya bakau dan pokok nipah di dalam negeri Pulau Pinang?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Dasar-dasar Pembangunan Negeri yang telah dibentuk seperti Rancangan Struktur Negeri (RSN) 2030 jelas menitik beratkan aspek penjagaan alam sekitar terutamanya kawasan berhutan demi mewujudkan persekitaran yang berdaya tahan. Antara lain strategi pelaksanaan pembangunan negeri di bawah RSN 2030 ialah mewartakan kawasan hutan dan kawasan hutan paya laut.

Dasar ini kemudiannya telah diterjemahkan di dalam Agenda Hijau Pulau Pinang 2030 iaitu sebuah panduan yang mengandungi sasaran, strategi, pelan tindakan termasuk penunjuk kemampuan pembangunan yang perlu dicapai menjelang tahun 2030. Antara sasaran yang perlu dicapai menjelang 2030 ialah mewartakan kawasan hutan paya laut yang bertindak bukan sahaja sebagai penampan kawasan pembangunan malah sebagai penyimpan karbon dalam kestabilan iklim dan sebagai tapak semaian kepada hidupan marin.

Susulan dari itu, dalam tempoh lima (5) tahun kebelakangan ini Kerajaan Negeri telah mewartakan seluas 962.32 hektar Hutan Simpanan Kekal (HSK) di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 di seluruh Negeri. Daripada jumlah ini, seluas 676.48 hektar

merupakan hutan paya laut atau bakau yang telah diwartakan pada 15 Disember 2022. Kawasan ini merangkumi 8 (lapan) buah kawasan iaitu hutan paya laut Pulau Betong di Daerah Barat Daya, Hutan Paya Laut Juru di Daerah Seberang Perai Tengah, Hutan Paya Laut Sungai Chenaam dan Sungai Udang di Daerah Seberang Perai Selatan dan akhir sekali di Hutan Paya Laut di Pasir Gebu, Lahar Endin, Kuala Bekah dan Air Hitam Dalam di Daerah Seberang Perai Utara.

Pewartaan Hutan Simpanan Kekal baharu tersebut menjadikan keluasan keseluruhan Hutan Simpanan Kekal di negeri ini bertambah sebanyak 15.8% berbanding tahun 2019 iaitu daripada seluas 5,100.93 hektar kepada seluas 6,063.25 hektar. Usaha untuk mewartakan lagi kawasan berhutan terutamanya kawasan sensitif alam sekitar seperti hutan paya laut ini, masih diteruskan secara teliti oleh jawatankuasa yang telah ditubuhkan di bawah Jawatankuasa MMK Alam Sekitar Pulau Pinang.

Pada Ketika ini, Mesyuarat Jawatankuasa MMK Alam Sekitar Pulau Pinang Bilangan 1 Tahun 2024 yang bersidang pada 20 Februari 2024 telah bersetuju dengan cadangan pewartaan seluas 449.12 hektar hutan paya laut sebagai Hutan Simpanan Kekal bagi tahun 2024. Kerja-kerja penyediaan pelan perimeter sedang disediakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang sebelum ianya dibentangkan di Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri kelak untuk proses pewartaan selanjutnya.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(VIII)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

11. Kolam renang awam.

- (a) Senaraikan kolam renang awam yang terdapat dalam Pulau Pinang.
- (b) Bilakah kolam renang di Seberang Jaya dan Jalan Betek boleh beroperasi semula selepas baik pulih yang telah dijalankan?
- (c) Adakah pihak Kerajaan Negeri bercadang untuk diadakan kolam renang awam di kawasan Telok Air Tawar?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. (a) Kolam renang awam yang terdapat dalam Pulau Pinang adalah seperti berikut:
- (i) Kolam renang awam MBSP di Kompleks Sukan MBSP Jalan Betek, Bukit Mertajam;
 - (ii) Kolam renang MBSP Lebuh Kampung Benggali, Butterworth;
 - (iii) Kolam Rekreasi Taman Bandaraya Taman Bandaraya (*Youth Park*), Persiaran Kuari, 10450 Pulau Pinang;
 - (iv) Kolam Rekreasi Berkeluarga Taman Metropolitan, Lebuh Relau 4, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang;
 - (v) Kompleks Sukan Bandaraya Relau Lebuh Relau, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang;

- (vi) Kolam Renang SPICE 108, Setia New Welcome Centre, SPICE, Jalan Tun Dr Awang, 11900 Pulau Pinang (dikelolai oleh Eco - Meridian Sdn Bhd); dan
 - (vii) Kompleks Renang Permata 19, Lintang Paya Terubong 1, Bandar Baru Air Itam, 11600 Ayer Itam, Pulau Pinang.
- (b) Kolam Renang Awam Seberang Jaya kini di bawah pengurusan Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Negeri Pulau Pinang dan projek menaik taraf bagi kolam tersebut kini di dalam fasa terakhir untuk pembukaan semula. Kolam Renang Jalan Betek dijangka akan mula beroperasi semula pada hujung tahun 2025.
- (c) Kerajaan Negeri buat masa ini tidak mempunyai perancangan untuk membina kolam renang baharu di kawasan Telok Air Tawar menggunakan peruntukan pembangunan negeri. Namun, Kerajaan Negeri sentiasa komited untuk memastikan fasiliti gelanggang sukan awam berada pada tahap yang terbaik untuk pembangunan sukan negeri Pulau Pinang.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(VIII)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

12. Tambahkan 10 pulau di pengairan Pulau Pinang.
- (a) Adakah pesisir pantai di kawasan Telok Air Tawar juga tersenarai di dalam projek tambakan 10 pulau tersebut?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

12. Merujuk kepada Rancangan Struktur Negeri 2030 yang diwartakan di dalam Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang Jilid 63 Tambahan No: 3/22 bertarikh 24 Oktober 2019 (Warta No. 1068).

Tebus guna Tanah di Butterworth Bagan Ajam sehingga Teluk Air Tawar

Kawasan komited bagi cadangan tebus guna merupakan Kawasan Keutamaan Pembangunan 2 (KKP2).

“Merupakan kawasan yang komited dan kawasan yang berpotensi untuk Pembangunan masa hadapan. Jenis - jenis Pembangunan yang dibenarkan adalah tertakluk kepada Rancangan Tempatan atau Rancangan Kawasan Khas dan mana - mana pelan Pembangunan yang diluluskan oleh PBN.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(VIII)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

13. Kawalan spesies burung-burung dalam negeri Pulau Pinang.
- (a) Senaraikan spesies burung kawalan yang terdapat di dalam Pulau Pinang.
 - (b) Senaraikan hot spot singgahan burung-burung hijrah di Pulau Pinang.
 - (c) Apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi mengawal burung-burung ini pupus?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. (a) Senarai burung-burung kawalan atau diperindungi / diperindungi sepenuhnya merujuk Akta Pemuliharaan Hidupan Liar Tahun 2010 [AKTA 716] di negeri Pulau Pinang adalah seperti di Lampiran A.
- (b) Kawasan utama ('hot-spot') persinggahan burung-burung hijrah di Pulau Pinang adalah di pesisir Pantai Teluk Air Tawar, Penaga yang merupakan antara kawasan penting bagi Semenanjung Malaysia selain Kuala Perlis, Pantai Utara-Tengah Selangor, Hutan Simpan Paya Laut Matang (Perak) dan Pantai Barat-Selatan Johor.
- (i) Keterangan kawasan:
- 1) Pantai pasang-surut berlumpur dan Hutan Paya Laut Bakau (<200 hektar);

- 2) Sungai utama: Sungai Muda; dan
 - 3) Aktiviti nelayan di beberapa kawasan tumpuan sepanjang kawasan Pantai.
- (ii) Keterangan Avifauna/Burung:
- 1) Pantai berlumpur dan Hutan Paya Laut Bakau penting sebagai kawasan utama persinggahan Burung Hijrah.
 - 2) Sejumlah 195 spesies direkodkan termasuk Burung Air dan Burung Hutan.
 - 3) Data hasil Bancian Program Asian Waterbirds Census Tahun 2019 menunjukkan keputusan seperti di **Lampiran B**.
- (c) Antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil bagi mengawal burung-burung ini pupus adalah:

Pencalonan Teluk Air Tawar – Kuala Muda sebagai Flyway Site Network di bawah *East Asian – Australasian Flyway Partnership*

Salah satu atau lebih kriteria di bawah adalah perlu dipatuhi oleh kawasan pencalonan untuk memenuhi syarat sebagai kawasan berkepentingan antarabangsa bagi burung air hijrah di bawah *Flyway Site Network*:

- (i) Secara tetap menyokong > 20 000 populasi burung air hijrah; atau,
- (ii) Secara tetap menyokong > 1 % individu di dalam populasi bagi satu spesies atau subspecies burung air hijrah; atau,
- (iii) Menyokong sejumlah penting populasi burung air hijrah di dalam kategori terancam *endangered* atau *vulnerable*

- (iv) Kawasan persinggahan yang menyokong > 5 000 burung air hijrah, atau > 0.25% peringkat populasi di lokasi.

Program *Community-based Conservation* dan Program Kesedaran Awam yang dijalankan oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) *Shorebird Peninsular Project Malaysia* dan antara program yang telah dijalankan seperti berikut:

- (i) *Monitoring: Distribution of Migratory Shorebirds at Teluk Air Tawar – Kuala Muda Coast (Important Bird Area);*
- (ii) *Outreach programme: “On The Trail of The Shorebirds”;*
- (iii) *An online quiz event for World Migratory Bird Day celebration;*
- (iv) *Empowering fishermen’s community in migratory; shorebirds and mangrove conservation through community-based ecotourism;*
- (v) *Citizen Scientist: Bird Watching and Conservation of Mangrove Ecosystems and Wetlands in Penaga, Penang;*
- (vi) *Conserving the unprotected wetlands of Teluk Air Tawar-Kuala Muda Coast through multi-stakeholder advocacy, experiential training, and community-based ecotourism for a new Flyway Site.*

Survelan penyakit selesema burung dibawah Program Survelan Penyakit Kebangsaan.

Survelan dijalankan dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar di kawasan Teluk Air Tawar-Kuala Muda pada musim penghijrahan burung. Program ini bertujuan bagi pengesanan awal penyakit selesema burung pada burung hijrah. Program dijalankan pada setiap tahun di 6 lokasi utama di Semenanjung Malaysia yang menjadi kawasan persinggahan burung hijrah.

Aktiviti Penguatkuasaan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar Tahun 2010 [AKTA 716] dan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar

(Pindaan) 2022 [AKTA A1646] serta aktiviti Inventori Hidupan Liar yang dilaksanakan oleh Jabatan PERHILITAN Negeri Pulau Pinang.

Pewartaan kawasan Hutan Simpanan Kekal di kawasan berhampiran pesisiran pantai berkenaan (bidang Kuasa Jabatan PERHUTANAN Semenanjung Malaysia).

**SENARAI BURUNG DILINDUNGI DAN DIPERLINDUNGI SEPENUHNYA DI NEGERI PULAU PINANG
MENGIKUT AKTA PEMULIHARAAN HIDUPAN LIAR TAHUN 2010 [AKTA 716]**

NO	ORDER	FAMILI	NAMA INGGERIS	NAMA SAINTIFIK	NAMA TEMPATAN	AKTA 716
1	Anseriformes	Anatidae	Lesser Whistling Duck	<i>Dendrocygna javanica</i>	Belibis	TP
2	Anseriformes	Anatidae	Tufted Duck	<i>Aythya fuligula</i>	Itik Jambul	TP
3	Anseriformes	Anatidae	Garganey	<i>Spatula querquedula</i>	Itik Garganey	TP
4	Anseriformes	Anatidae	Northern Shoveler	<i>Spatula clypeata</i>	Itik Sudu	TP
5	Anseriformes	Anatidae	Eurasian Wigeon	<i>Mareca penelope</i>	Itik Eurasia	TP
6	Anseriformes	Anatidae	Northern Pintail	<i>Anas acuta</i>	Itik Muara	TP
7	Anseriformes	Anatidae	Comb Duck	<i>Sarkidiornis melanotos</i>	Itik Sisir	TP
8	Anseriformes	Anatidae	Asian Pygmy Goose	<i>Nettapus coromandelianus</i>	Itik Kapas	TP
9	Galliformes	Phasianidae	Roulroul	<i>Rollulus rouloul</i>	Siul Berjambul	TP
10	Galliformes	Phasianidae	Long-billed Partridge	<i>Rhizothera longirostris</i>	Siul Selanting	TP
11	Galliformes	Phasianidae	Black Partridge	<i>Melanoperdix niger</i>	Siul Bertam	TP

NO	ORDER	FAMILI	NAMA INGERIS	NAMA SAINTIFIK	NAMA TEMPATAN	AKTA 716
12	Galliformes	Phasianidae	Green Peafowl	<i>Pavo muticus</i>	Merak Hijau	TP
13	Galliformes	Phasianidae	Great Argus	<i>Argusianus argus</i>	Kuang Raya	TP
14	Galliformes	Phasianidae	Malayan Peacock Pheasant	<i>Polyplectron malacense</i>	Merak Pongsu	TP
15	Galliformes	Phasianidae	Blue-breasted Quail	<i>Synoicus chinensis</i>	Pikau	TP
16	Galliformes	Phasianidae	Red Junglefowl	<i>Gallus gallus</i>	Ayam Hutan	TP
17	Galliformes	Phasianidae	Crestless Fireback	<i>Lophura erythrophthalma</i>	Merah Mata	TP
18	Phoenicopteriformes	Podicipedidae	Little Grebe	<i>Tachybaptus ruficollis</i>	Grebe Kecil	TP
19	Columbiformes	Columbidae	Rock Dove	<i>Columba livia</i>	Pergam Batu	TP
20	Columbiformes	Columbidae	Red Collared Dove	<i>Streptopelia tranquebarica</i>	Tekukur Merah	TP
21	Columbiformes	Columbidae	Spotted-necked Dove	<i>Streptopelia chinensis</i>	Tekukur Leher Berbintik	TP
22	Columbiformes	Columbidae	Barred Cuckoo Dove	<i>Macropygia unchall</i>	Tekukur Api Gunung	TP
23	Columbiformes	Columbidae	Little Cuckoo Dove	<i>Macropygia ruficeps</i>	Tekukur Api	TP
24	Columbiformes	Columbidae	Zebra Dove	<i>Geopelia striata</i>	Merbok Aman	TP
25	Columbiformes	Columbidae	Cinnamon-headed Green Pigeon	<i>Treron fulvicollis</i>	Punai Bakau	TP
26	Columbiformes	Columbidae	Little Green Pigeon	<i>Treron olax</i>	Punai Daun	TP

NO	ORDER	FAMILI	NAMA INGERIS	NAMA SAINTIFIK	NAMA TEMPATAN	AKTA 716
27	Columbiformes	Columbidae	Pink-necked Green Pigeon	Treron vernans	Punai Gading	TP
28	Columbiformes	Columbidae	Orange-breasted Green Pigeon	Treron bicinctus	Punai Siam	TP
29	Columbiformes	Columbidae	Thick-billed Green Pigeon	Treron curvirostra	Punai Lengguak	TP
30	Columbiformes	Columbidae	Large Green Pigeon	Treron capellei	Punai Bakok	TP
31	Columbiformes	Columbidae	Yellow-vented Green Pigeon	Treron seimundi	Punai Gunung	TP
32	Columbiformes	Columbidae	Emerald Dove	Chalcophaps indica	Punai Tanah	TP
33	Columbiformes	Columbidae	Green Imperial Pigeon	Ducula aenea	Pergam Besar	TP
34	Columbiformes	Columbidae	Mountain Imperial Pigeon	Ducula badia	Pergam Gunung	TP
35	Columbiformes	Columbidae	Pied Imperial Pigeon	Ducula bicolor	Pergam Rawa	TP
36	Columbiformes	Columbidae	Jambu Fruit Dove	Ramphiculus jambu	Punai Jambu	TP
37	Caprimulgiformes	Podargidae	Gould's Frogmouth	Batrachostomus stellatus	Segan Bintik Mas	TP
38	Caprimulgiformes	Podargidae	Horsfield's Frogmouth	Batrachostomus javensis	Segan Jawa	TP
39	Caprimulgiformes	Caprimulgidae	Great Eared Nightjar	Lyncornis macrotis	Tukang Telinga Besar	TP

NO	ORDER	FAMILI	NAMA INGERIS	NAMA SAINTIFIK	NAMA TEMPATAN	AKTA 716
40	Caprimulgiformes	Caprimulgidae	Malaysian Eared Nightjar	Lyncornis temminckii	Tukang Tabtibu	TP
41	Caprimulgiformes	Caprimulgidae	Grey Nightjar	Caprimulgus indicus	Tukang Kelabu/Tukang Hutan	TP
42	Caprimulgiformes	Caprimulgidae	Large-tailed Nightjar	Caprimulgus macrurus	Tukang Kubur	TP
43	Caprimulgiformes	Caprimulgidae	Savanna Nightjar	Caprimulgus affinis	Tukang Savanna	TP
44	Caprimulgiformes	Apodidae	Grey-rumped Treeswift	Hemiprocne longipennis	Layang-layang Jambul Kelabu	TP
45	Caprimulgiformes	Apodidae	Whiskered Treeswift	Hemiprocne comata	Layang-layang Jambul Kecil	TP
46	Caprimulgiformes	Apodidae	Silver-rumped Spinetailed Swift	Rhaphidura leucopygialis	Layang-layang Kecil	TP
47	Caprimulgiformes	Apodidae	White-throated Needletail	Hirundapus caudacutus	Layang-layang Leher Putih	TP
48	Caprimulgiformes	Apodidae	Silver-backed Needletail	Hirundapus cochinchinensis	Layang-layang Rengkong Putih	TP
49	Caprimulgiformes	Apodidae	Brown-backed Needletail	Hirundapus giganteus	Layang-layang Besar	TP
50	Caprimulgiformes	Apodidae	Glossy Swiftlet	Collocalia esculenta	Layang-layang Perut Putih	TP

NO	ORDER	FAMILI	NAMA INGGERIS	NAMA SAINTIFIK	NAMA TEMPATAN	AKTA 716
51	Caprimulgiformes	Apodidae	Himalayan Swiftlet	<i>Aerodramus brevirostris</i>	Layang-layang Himalaya	TP
52	Caprimulgiformes	Apodidae	Black-nest Swiftlet	<i>Aerodramus maximus</i>	Layang-layang Padi	TP
53	Caprimulgiformes	Apodidae	Edible-nest Swiftlet	<i>Aerodramus fuciphagus</i>	Layang-layang Gua	TP
54	Caprimulgiformes	Apodidae	Asian Palm Swift	<i>Cypsiurus balasiensis</i>	Layang-layang Asia	TP
55	Caprimulgiformes	Apodidae	Dark-rumped Swift	<i>Apus acuticauda</i>	-	TP
56	Caprimulgiformes	Apodidae	Fork-tailed Swift	<i>Apus pacificus</i>	Layang-layang Ekor Cabang	TP
57	Caprimulgiformes	Apodidae	House Swift	<i>Apus nipalensis</i>	Layang-layang Rumah	TP
58	Cuculiformes	Cuculidae	Greater Coucal	<i>Centropus sinensis</i>	But-but Carik Anak	TP
59	Cuculiformes	Cuculidae	Lesser Coucal	<i>Centropus bengalensis</i>	But-but Kecil	TP
60	Cuculiformes	Cuculidae	Raffles's Malkoha	<i>Rhinortha chlorophaea</i>	Cenok Kerak	TP
61	Cuculiformes	Cuculidae	Red-billed Malkoha	<i>Zanclostomus javanicus</i>	Cenok Api	TP
62	Cuculiformes	Cuculidae	Black-bellied Malkoha	<i>Phaenicophaeus diardi</i>	Cenok Perut Hitam	TP
63	Cuculiformes	Cuculidae	Chestnut-bellied Malkoha	<i>Phaenicophaeus sumatranus</i>	Cenok Kecil	TP
64	Cuculiformes	Cuculidae	Green-billed Malkoha	<i>Phaenicophaeus tristis</i>	Cenok Kera	TP

NO	ORDER	FAMILI	NAMA INGERIS	NAMA SAINTIFIK	NAMA TEMPATAN	AKTA 716
65	Cuculiformes	Cuculidae	Chestnut-breasted Malkoha	Phaenicophaeus curvirostris	Cenok Birah	TP
66	Cuculiformes	Cuculidae	Jacobin Cuckoo	Clamator jacobinus		TP
67	Cuculiformes	Cuculidae	Chestnut-winged Cuckoo	Clamator coromandus	Sewah Kepak Merah Berjambul	TP
502	Passeriformes	Sturnidae	White-shouldered Starling	<i>Sturnia sinensis</i>	Perling Bahu Putih	TP
503	Passeriformes	Sturnidae	Common Myna	<i>Acridotheres tristis</i>	Tiong Gembala Kerbau	TP
504	Passeriformes	Sturnidae	Jungle Myna	<i>Acridotheres fuscus</i>	Tiong Hutan	TP
505	Passeriformes	Sturnidae	Javan Myna	<i>Acridotheres javanicus</i>	Tiong Jawa	TP
506	Passeriformes	Sturnidae	Great Myna	<i>Acridotheres grandis</i>	Tiong Jambul	TP
507	Passeriformes	Sturnidae	Crested Myna	<i>Acridotheres cristatellus</i>	Tiong Cina	TP
508	Passeriformes	Sturnidae	Hill Myna	<i>Gracula religiosa</i>	Tiong Mas	TP
509	Passeriformes	Sturnidae	Asian Glossy Starling	<i>Aplonis panayensis</i>	Perling Mata Merah	TP
510	Passeriformes	Muscicapidae	Oriental Magpie Robin	<i>Copsychus saularis</i>	Murai Kampung	TP
511	Passeriformes	Muscicapidae	Rufous-tailed Shama	<i>Trichixos pyrropygus</i>	Murai Rimba Ekor Kuning	TP
512	Passeriformes	Muscicapidae	White-rumped Shama	<i>Kittacincla malabarica</i>	Murai Rimba/Murai Batu	TP
513	Passeriformes	Muscicapidae	Dark-sided Flycatcher	<i>Muscicapa sibirica</i>	Sambar Sibiria	TP

NO	ORDER	FAMILI	NAMA INGERIS	NAMA SAINTIFIK	NAMA TEMPATAN	AKTA 716
514	Passeriformes	Muscicapidae	Asian Brown Flycatcher	Muscicapa dauurica	Sambar Asia	TP
515	Passeriformes	Muscicapidae	Ferruginous Flycatcher	Muscicapa ferruginea	Sambar Sampah	TP
516	Passeriformes	Muscicapidae	Pale Blue Flycatcher	Cyornis unicolor	Sambar Rimba	TP
517	Passeriformes	Muscicapidae	Tickell's Blue Flycatcher	Cyornis tickelliae	Sambar Kelicap Ranting	TP
518	Passeriformes	Muscicapidae	Blue-throated Blue Flycatcher	Cyornis rubeculoides	Sambar Rengkong Biru	TP
519	Passeriformes	Muscicapidae	Malaysian Blue Flycatcher	Cyornis turcosus	Sambar Biru Malaysia	TP
520	Passeriformes	Muscicapidae	Mangrove Blue Flycatcher	Cyornis rufigastra	Sambar Biru Bakau	TP
521	Passeriformes	Muscicapidae	Grey-chested Jungle Flycatcher	Cyornis umbratilis	Sambar Batu	TP
522	Passeriformes	Muscicapidae	Brown-chested Jungle Flycatcher	Cyornis brunneatus	Sambar Hutan	TP
523	Passeriformes	Muscicapidae	Zappey's Flycatcher	Cyanoptila cumatilis	-	TP
524	Passeriformes	Muscicapidae	Asian Verditer Flycatcher	Eumyias thalassinus	Sambar Ranting	TP
525	Passeriformes	Muscicapidae	Siberian Blue Robin	Larvivora cyane	Murai Siberia	TP

NO	ORDER	FAMILI	NAMA INGERIS	NAMA SAINTIFIK	NAMA TEMPATAN	AKTA 716
526	Passeriformes	Muscicapidae	Chestnut-naped Forktail	Enicurus ruficapillus	Murai Cegar	TP
527	Passeriformes	Muscicapidae	White-crowned Forktail	Enicurus leschenaulti	Murai Cegar Belukar	TP
528	Passeriformes	Muscicapidae	Blue Whistling Thrush	Myophonus caeruleus	Murai Batu Siul	TP
529	Passeriformes	Muscicapidae	Taiga Flycatcher	Ficedula albicilla	Sambar Taiga	TP
530	Passeriformes	Muscicapidae	Little Pied Flycatcher	Ficedula westermanni	Sambar Gunung	TP
531	Passeriformes	Muscicapidae	Mugimaki Flycatcher	Ficedula mugimaki	Sambar Mugimaki	TP
532	Passeriformes	Muscicapidae	Narcissus Flycatcher	Ficedula narcissina	Sambar Bunga	TP
533	Passeriformes	Muscicapidae	Yellow-rumped Flycatcher	Ficedula zanthopygia	Sambar Tongkeng Kuning	TP
534	Passeriformes	Muscicapidae	Daurian Redstart	Phoenicurus aureus	Murai-Jingga Utara Asia	TP
535	Passeriformes	Muscicapidae	Blue Rock Thrush	Monticola solitarius	Murai Batu Tarung	TP
536	Passeriformes	Muscicapidae	Eastern Stonechat	Saxicola maurus	Murai Batu Pejal	TP
537	Passeriformes	Turdidae	Siberian Thrush	Geokichla sibirica	Murai Siberia Kelabu	TP
538	Passeriformes	Turdidae	Orange-headed Thrush	Geokichla citrina	Murai Belanda	TP
539	Passeriformes	Turdidae	Chestnut-capped Thrush	Geokichla interpres	Murai Batu Tanah	TP

NO	ORDER	FAMILI	NAMA INGGERIS	NAMA SAINTIFIK	NAMA TEMPATAN	AKTA 716
540	Passeriformes	Turdidae	Eyebrowed Thrush	Turdus obscurus	Murai Batu Kubur	TP

Petunjuk :

- TP** - **Totally Protected / Diperlindungi Sepenuhnya**
P - **Protected / Diperlindungi**

DATA BANCIAAN PROGRAM ASIAN WATERBIRDS CENSUS TAHUN 2019

Bil	Perkara	Jumlah
1.	Bilangan spesies	38
2.	Jumlah cerapan burung keseluruhan	2,953
3.	<i>Spesies Near Threatened</i>	Black-tailed Godwit (7) Eurasian Curlew (4) Asian Dowitcher (1) Curlew Sandpiper (2)
4.	<i>Spesies Vulnerable</i>	-
5.	<i>Spesies Endangered</i>	-
6.	<i>Spesies Critically Endangered</i>	-
7.	Kawasan cerapan	Kampung Bakau Tua, Permatang Berah dan Bagan Belat

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(VIII)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

14. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam memajukan *Penang Bird Park* Seberang Jaya sebagai tempat utama tumpuan pelancong?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. *Penang Bird Park* Seberang Jaya merupakan lokasi tarikan pelancong yang diusahakan oleh pihak swasta. Buat masa ini, pihak Kerajaan Negeri tiada perancangan untuk terlibat secara langsung dengan pengurusan atau naik taraf *Penang Bird Park*.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri membantu promosi lokasi-lokasi pelancongan pihak swasta termasuk *Penang Bird Park* melalui media sosial, risalah dan video.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(VIII)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

15. Spesies-spesies ikan dan hidupan laut yang semakin pupus dan terancam.
- (a) Apakah peranan yang telah dilakukan oleh Jabatan Perikanan bagi mengawal ikan pemangsa yang semakin membiak di dalam sungai dan telah mengancam spesies ikan-ikan lain? Sebagai contoh Baung Ekor Merah, Arapaima dan Ikan Buaya.

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. (a) Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang (DOF) sentiasa melaksanakan program pemeriksaan, pemantauan dan pematuhan terhadap premis akuarium dan ladang ikan hiasan di seluruh Negeri Pulau Pinang bagi memastikan pihak tersebut mematuhi undang-undang dan peraturan sepertimana yang telah digariskan di dalam Akta Perikanan 1985 dan akta lain yang berkaitan.

Selain itu, kempen atau taklimat kepada pihak nelayan, pengusaha premis ikan hiasan dan semua pihak berkepentingan turut dibuat untuk memberi kesedaran mengenai kepentingan memelihara dan memulihara ikan asli di sungai, tasik, bekas lombong dan sebagainya. DOF memandang serius isu pelepasan ikan bukan asli seperti Baung Ekor Merah, Arapaima dan Ikan Buaya kerana ia mengancam sumber perikanan asli sedia ada.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(VIII)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

16. Serangan obor-obor yang sering terjadi di kawasan pesisir pantai Pulau Pinang.
- (a) Apakah langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengawal permasalahan ini bagi menjaga keselamatan penduduk dan pelancong?
 - (b) Senaraikan kawasan yang sering kali berlaku serangan obor-obor ini.

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. (a) Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan hebahan melalui platform media sosial bagi memberi amaran terhadap kejadian serangan obor-obor di kawasan pesisir pantai negeri Pulau Pinang. Selain itu, pihak Jabatan juga turut melaksanakan siaran media secara berkala bagi memberi amaran berkenaan perkara tersebut.

Selain ini, Pusat Kajian Samudera & Pantai (CEMACS), Universiti Sains Malaysia sentiasa menjalankan kajian berkenaan obor-obor dan memberikan maklumat kepada orang ramai dan pelancong berkenaan obor-obor.

- (b) Serangan obor-obor sering kali berlaku di kawasan Pantai Teluk Bahang dan Batu Feringghi.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(VIII)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

17. Kawasan *agrotourism*, *ecotourism* dan *aqua tourism* yang terdapat di negeri Pulau Pinang.
- a) Senaraikan kawasan-kawasan yang telah dipromosikan dan terkenal sebagai tumpuan pelancong.

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. (a) Kerajaan Negeri dengan kerjasama Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang (DOA) dan pihak *Northern Corridor Implementation Authority* (NCIA) sedang membangunkan semula Pusat Agro Pelancongan Relau dengan diberi nama baharu iaitu 'Penang Durian Valley @ Relau' dibawah pelaksanaan projek Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Pembangunan projek ini akan memfokuskan bidang pertanian teknologi tinggi, agro-pelancongan, penyelidikan pertanian dan mempromosikan keterjaminan makanan di negeri Pulau Pinang. Status terkini adalah reka bentuk skematik telah dimuktamadkan dengan pihak Kerajaan Negeri.

Bagi segmen *ecotourism* pula, salah satu tarikan utama adalah alam semulajadi di Taman Negara Teluk Bahang dan *Penang Hill Biosphere Reserve* yang telah mendapat pengiktirafan UNESCO sebagai UNESCO *Biosphere Reserve*. Taman Negeri Bukit Panchor, *Entopia* di Teluk Bahang, *Penang Bird Park* di Seberang Jaya dan Taman Rimba Teluk Bahang turut tersedia sebagai tarikan *ecotourism* di Pulau Pinang.

Selain itu, tarikan *aqua tourism* di negeri Pulau Pinang ialah Akuarium Tunku Abdul Rahman (AkuaTAR) yang terletak di Batu Maung, Pulau Pinang. AkuaTAR diurus sepenuhnya oleh Institut Penyelidikan Perikanan, Jabatan Perikanan Malaysia sebagai tempat penyelidikan, pemeliharaan dan pemuliharaan ikan marin serta ikan air tawar. Objektif pusat ini dibuka kepada orang ramai adalah bagi mendidik dan meningkatkan kesedaran orang awam tentang pentingnya pemuliharaan ekosistem bagi tujuan menjaga khazanah warisan akuatik di Malaysia. Ia dibuka pada setiap hari kecuali hari Rabu. Selain daripada itu, aktiviti sukan air di Batu Ferringhi, aktiviti memancing dan ternakan ikan di Pulau Aman dan Pusat Konservasi Penyu di Pantai Kerachut merupakan antara tarikan lain yang menggamit kedatangan pelancong ke Pulau Pinang.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(VIII)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

18. Apakah langkah yang akan diambil dan telah diambil oleh Jabatan Pertanian bagi memajukan dan mempromosikan *agrotourism* di Pulau Pinang seperti tanaman buah pala di Balik Pulau?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. Pada tahun 2024, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang (DOA) telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM379,990.00 di bawah peruntukan pembangunan bagi tujuan ini. Peruntukan ini memberi tumpuan kepada aspek pembangunan Pusat Jualan Terus, Agro-pelancongan dan Program Promosi Produk Industri Asas Tani dan Hasil Pertanian.

Aktiviti ini dilaksanakan bagi membolehkan produk usahawan bimbingan DOA mampu berdaya saing serta menembusi pasaran global melalui penganjuran dan penyertaan karnival, ekspo, pesta, pameran dan lain-lain aktiviti promosi yang melibatkan penyertaan usahawan di dalam dan di luar negara.

Sebagai salah satu langkah bagi mempromosikan agro-pelancongan tanaman pala di Negeri Pulau Pinang, DOA turut menggalakkan usahawan untuk mempelbagaikan produk hasilan buah pala seperti penghasilan produk jeruk, halwa, rempah masakan, minyak angin, *balm* dan jus minuman. Sehingga kini seramai 10 orang usahawan berasaskan buah pala di Negeri Pulau Pinang telah dibimbing secara langsung.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(VIII)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

19. Berapakah jumlah yang telah dijana oleh Kerajaan Negeri dalam sektor pelancongan kesihatan di Pulau Pinang?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Mengikut statistik daripada *Malaysian Healthcare Travel Council* (MHTC), Negeri Pulau Pinang menerima hampir 500,000 pelancong kesihatan pada tahun 2023. Angka ini menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai destinasi utama pelancongan perubatan untuk Malaysia dengan jumlah hasil pelancongan kesihatan yang mencecah RM380 juta.

Sektor Pelancongan Kesihatan ini turut mendatangkan hasil berganda (*multiplying effect*) dalam pelbagai sektor ekonomi seperti sektor penginapan/penginapan, farmasi, rehabilitasi, makanan dan minuman, pengangkutan dan sebagainya.

Sektor Pelancongan Kesihatan tidak mendatangkan hasil secara langsung kepada Kerajaan Negeri namun pembangunan sektor tersebut berjaya memberi impak yang positif kepada pembangunan ekonomi negeri secara keseluruhan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(VIII)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

20. Projek satu juta pokok dalam Pulau Pinang.
- (a) Sejauh manakah keberkesanan projek ini?
 - (b) Bagaimanakah cara dan saluran untuk rakyat memohon dan terlibat dalam projek ini?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. Yayasan Amal Tuan Yang Di Pertua Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Pejabat EXCO Perumahan dan Alam sekitar telah melaksanakan Program Menanam Satu (1) Juta Pokok Dalam Sehari di Pulau Pinang sempena Sambutan Hari Bumi pada 22 April 2024 yang lalu. Majlis Pelancaran program ini telah disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Di-Pertua Negeri Pulau Pinang pada hari yang sama jam 3.30 petang di Anjung Seri Mutiara, Jalan Utama Pulau Pinang.

Program ini dijayakan dengan penglibatan pelbagai Agensi Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, sektor swasta, sektor korporat, pemaju, sekolah, institut pengajian tinggi, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), organisasi berasaskan komuniti (CBO) dan individu. Program penanaman ini telah mendapat pengiktirafan *The Malaysia Book Of Record* (MBOR) sebagai *Largest Simultaneous Tree Planting*.

- (a) Program ini telah membawa banyak manfaat kepada alam sekeliling seperti:
- (i) Program penanaman pokok ini dapat mengurangkan kesan gas rumah hijau di atmosfera dan berfungsi untuk menyerap karbon dioksida dari udara terutamanya di kawasan yang membangun. Sedikit sebanyak ia dapat mengurangkan perubahan iklim yang melanda dunia kini. Mengikut Teknologi Hijau Malaysia (MGTC), lebih dari sejuta pokok ini mampu menyerap 40,000 tan karbon dioksida setahun selepas pokok-pokok ini matang. Secara langsung, perkara ini akan membawa kehijauan kepada persekitaran dan menurunkan purata suhu sekeliling, Program ini dapat mencipta impak yang berkekalan kepada Negeri Pulau Pinang sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan 13 dan *Environment, Social and Governance (ESG)*.
 - (ii) Menambah kehijauan landskap negeri seterusnya membawa kebahagiaan kepada rakyat. Menurut laporan *World Happiness Index (WHI)*, negara-negara di dunia telah mula mengukur indeks kebahagiaan sebagai satu kayu ukur peningkatan hidup rakyat. Kini, Malaysia berada di tangga ke-55 di dalam indeks kebahagiaan dunia di atas Indonesia dan China.
 - (iii) Meningkatkan kesedaran Masyarakat terhadap pokok sebagai sumber semulajadi dan aset kepada komuniti. Penghasilan produk buah-buahan dan tanaman di peringkat individu, komuniti, sekolah dan badan-badan kebajikan dapat menambah tahap sara diri serta membantu dalam menyokong tahap keterjaminan makanan di negeri ini. Program ini juga dapat menyemai kesedaran dalam setiap lapisan umur masyarakat dengan mendidik mereka menjadi golongan yang peka serta bertanggungjawab dengan perubahan iklim dan alam sekitar.
- (b) Program ini telah diwar-warkan oleh agensi-agensi Kerajaan melalui pelbagai medium antaranya hebahan oleh Pejabat Daerah dan Tanah kepada komuniti melalui Majlis Pembangunan Komuniti Kampung (MPKK) dan penglibatan agensi-agensi kerajaan di daerah yang berurusan secara

langsung kepada semua jabatan serta agensi Kerajaan di daerah dan melalui MPKK untuk penglibatan komuniti. Sumbangan pokok-pokok dari pelbagai sektor diagihkan kepada masyarakat melalui MPKK di setiap kawasan DUN. Semua rakyat Pulau Pinang boleh menyertai program ini dan perlu memuat naik video bukti penanaman pokok beserta jumlah pokok yang ditanam melalui Aplikasi '*1 Million Tree Penang*' sebagai bukti penglibatan bersama. Selain itu, Pendaftaran boleh dibuat melalui:-

- (i) Melayari laman sesawang yayasanamaltytpp.com
- (ii) Klik pada banner bergerak bertajuk Program Menanam Satu Juta Pokok Di Pulau Pinang Sempena *Earth Day 2024*
- (iii) Klik butang daftar dan teruskan pengisian maklumat.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(VIII)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

21. Kemudahan golongan OKU di tempat-tempat rekreasi di Pulau Pinang.
- (a) Apakah kemudahan yang tersedia di dalam taman-taman rekreasi untuk golongan OKU bagi menjadi sebuah negeri mesra OKU?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. Pada masa kini, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan sedang melakukan perubahan yang diperlukan bagi memenuhi keperluan orang kelainan upaya (OKU) di Pulau Pinang.
- (a) Antara kemudahan-kemudahan yang disediakan untuk golongan OKU di taman-taman rekreasi awam di bawah penyelenggaraan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) merangkumi kemudahan bagi laluan pejalan kaki pada kelebaran minimum 2.0 meter, *ramp* dan *railing*, termasuk laluan taktil (*tact tiles*) bagi kegunaan OKU penglihatan. Di samping itu, terdapat juga kemudahan lain yang turut disediakan seperti tandas dilengkapi dengan ciri-ciri keperluan OKU serta tempat letak kereta dikhususkan kepada golongan berkenaan. Seterusnya, turut menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri untuk terus mendidik orang ramai, di samping melaksanakan penguatkuasaan secara tegas terhadap mereka yang menyalahgunakan tempat atau kemudahan dikhususkan untuk golongan berkenaan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(VIII)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

22. Penghasilan produk-produk kraf tangan.
- (a) Senaraikan tempat-tempat penghasilan dan pemasaran produk kraf tangan yang telah dikomersialkan.
 - (b) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mempromosikan produk-produk tersebut?
 - (c) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk mempromosikan Pusat Kraftangan di Kepala Batas yang tidak diketahui ramai?

**YB RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya melalui Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia) berperanan sebagai peneraju dalam pembangunan industri kraf negara.
- (a) Di negeri Pulau Pinang, seramai 110 orang usahawan kraf berdaftar di bawah Kraftangan Malaysia dengan jumlah tenaga kerja seramai 780 orang sehingga bulan Mac 2024. Jumlah ini merangkumi usahawan kraf bidang tekstil, hasil rimba, hasil logam, hasil tanah dan aneka kraf. Usahawan-usahawan kraf ini menghasilkan dan memasarkan produk kraf di lokasi masing-masing seperti pecahan di **LAMPIRAN A**.
 - (b) Kraftangan Malaysia turut komited membantu usahawan kraf dalam pengeluaran dan pemasaran produk kraf melalui langkah-langkah berikut:

- (i) Usahawan di negeri Pulau Pinang boleh menyewa ruang di Pusat Kraf Balik Pulau untuk menghasil dan mempromosikan produk;
- (ii) Produk kraf yang dihasilkan oleh usahawan kraf Pulau Pinang juga turut dijual di Galeri Jualan Kraf, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Cawangan Pulau Pinang di Bertam;
- (iii) Mempromosikan produk kraf menerusi Acara *Signature* seperti Hari Kraf Kebangsaan dan festival berskala besar (*Marque Event*) iaitu Festival Kraf Tekstil Pantai Timur, Festival Kraf Pulau Pinang, Festival Kraf Terengganu, Festival Kraf Perak, Festival Kraf Borneo Sabah, Festival Kraf Utara, Festival Kraf Borneo Sarawak, Festival Kraf Pesona Tekstil dan Festival Kraf Johor;
- (iv) Mempromosikan produk kraf di peringkat antarabangsa iaitu Kraf Malaysia@Minggu Budaya Malaysia, Urumqi, China, *Intertextile Shanghai Apparel Fabric*, China dan *Homo Faber 2024*, Venice Itali;
- (v) Melaksanakan promosi secara digital menerusi MYCRAFTSHOPPE (MCS) dan E-Kraf Bazar (EKB). MCS menawarkan perkhidmatan jual-beli secara dalam talian (*web-based & aplikasi*) berkonsepkan *Global Reach Local Identity*. Platform ini memasarkan kepelbagaian produk kraf tempatan melalui segmen fesyen dan aksesori, hiasan dalaman, gaya hidup dan produk pelancongan. Inisiatif pemasaran turut dilaksanakan menerusi platform EKB yang merupakan aplikasi media sosial - Facebook Group; dan
- (vi) Kraftangan Malaysia membangunkan aplikasi *CraftOnTheGo (COTG)* yang menawarkan perkhidmatan pencarian geolokasi yang membolehkan orang ramai mendapatkan maklumat serta lokasi usahawan kraf dengan lebih pantas, mudah serta efektif pada bila-bila masa.

- (c) Pada tahun 2024, sebanyak 25 program promosi di peringkat domestik dan antarabangsa yang telah, sedang dan akan dilaksanakan. Kraftangan Malaysia giat menjalankan pelbagai aktiviti menarik di kompleks-kompleks kraf dan cawangan negeri termasuklah Kraftangan Malaysia Cawangan Pulau Pinang yang terletak di Bertam, Kepala Batas. Antara aktiviti yang dijalankan ialah promosi dan jualan produk kraf, program interaktif kraf, demonstrasi kraf, pameran serta jualan di Galeri Jualan Kraf. Platform digital turut memainkan peranan yang sangat penting daripada aspek promosi dan publisiti. Usaha untuk mempromosikan Pusat Kraftangan di Kepala Batas dilakukan menerusi media sosial rasmi Kraftangan Malaysia seperti Facebook dan laman sesawang Kraftangan Malaysia. Selain itu, aplikasi *CraftOnTheGo* (COTG) yang dibangunkan oleh Kraftangan Malaysia turut menawarkan perkhidmatan pencarian geolokasi yang membolehkan orang ramai mendapatkan maklumat serta lokasi dengan lebih pantas, mudah serta efektif pada bila-bila masa.

**BILANGAN USAHAWAN KRAF DAN TENAGA KERJA MENGIKUT
PARLIMEN PULAU PINANG SEHINGGA MAC 2024**

BIL.	PARLIMEN	JUMLAH USAHAWAN	JUMLAH TENAGA KERJA
1	Bagan	13	44
2	Balik Pulau	25	64
3	Batu Kawan	2	24
4	Bayan Baru	7	378
5	Bukit Bendera	3	4
6	Bukit Gelugor	1	2
7	Bukit Mertajam	5	90
8	Jelutong	6	11
9	Kepala Batas	18	51
10	Nibong Tebal	7	17
11	Permatang Pauh	6	24
12	Tanjong	8	34
13	Tasek Gelugor	9	37
	Jumlah	110	780

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(VIII) 23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

23. Apakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk mewujudkan pusat akuarium di sebelah Butterworth seperti Akuarium Tunku Abdul Rahman di Batu Maung?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk mewujudkan pusat akuarium di kawasan Seberang Perai khususnya Butterworth memandangkan Institut Penyelidikan Perikanan (FRI), Jabatan Perikanan Malaysia memberi tumpuan kepada pengoperasian Akuarium Tunku Abdul Rahman (AkuaTAR) yang terletak di Batu Maung, Pulau Pinang.

Namun begitu sekiranya Kerajaan Negeri berniat untuk mewujudkan pusat akuarium ini, maka perancangan dan peruntukan kewangan perlu disediakan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(VIII)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

24. Kemudahan infrastruktur di Taman Negara yang sudah rosak dan tidak dijaga.
- (a) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk menaik taraf Taman Negara?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. (a) Taman Negara Pulau Pinang di bawah Jabatan PERHILITAN sentiasa komited dalam menyediakan kemudahan infrastruktur yang berfungsi dengan baik dan selamat melalui inisiatif berikut:
- i. Menaiktaraf fasiliti tandas di dataran Taman Negara Pulau Pinang, Pantai Kerachut, Teluk Kampi dan Sungai Tukun;
 - ii. Penyelenggaraan berkala dan mendesak ke atas *boardwalk* di Teluk Kampi dan trail di CEMACS, USM hingga ke Monkey Beach;
 - iii. Penyelenggaraan berkala papan tanda; dan
 - iv. Menaiktaraf tapak khemah, kemudahan dapur, dewan terbuka serta surau di lokasi tumpuan pelawat, Pantai Kerachut.

Selain itu, Taman Negara akan membuka ruang kerjasama CSR kepada pihak-pihak yang berminat pada masa akan datang.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(VIII)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

25. Galeri Haji di Sungai Aceh Pulau Pinang.

- (a) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri untuk mempromosikan tempat tersebut?
- (b) Senaraikan jumlah pengunjung dari mula tempat tersebut beroperasi sehingga sekarang.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. Galeri Haji Pulau Pinang terletak di alamat No 87, Lebuh Aceh, George Town dan bukannya di Sungai Aceh. Untuk makluman, Galeri Haji kini ditutup buat sementara waktu bagi memberi laluan kepada proses pembaikpulihan dan penyelenggaraan. Pada tahun 2022, Galeri Haji Pulau Pinang telah menerima Anugerah Cemerlang Warisan 100 Tahun Pulau Pinang daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang manakala pada tahun 2023 Galeri Haji Pulau Pinang telah menerima pengiktirafan sebagai '*The First Hajj Gallery*' oleh The Malaysia Book of Records.

- (a) Kerajaan Negeri telah memperuntukkan geran tahunan kepada Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP) bagi pengoperasian galeri termasuklah bagi tujuan promosi seperti berikut:
 - (i) Promosi secara dalam talian (online) seperti di laman web rasmi YIPP dan akaun-akaun media sosial YIPP;

- (ii) Promosi secara dalam talian (online) di akaun facebook rasmi Galeri Haji iaitu *Penang Hajj Gallery*;
 - (iii) Promosi secara fizikal iaitu melalui pengedaran *pamphlet* kepada orang awam;
 - (iv) Pameran secara berkala; dan
 - (v) Penglibatan dalam program-program contohnya pada Hari Bandar Warisan Dunia Georgetown.
- (b) Anggaran jumlah pengunjung dari mula tempat tersebut beroperasi sehingga sekarang adalah lebih 10,000 orang pengunjung yang terdiri daripada pelancong dari dalam dan luar negara, kerabat diraja, duta negara luar, tokoh agama dan selebriti.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(VIII)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

26. Pulau Pinang terkenal sebagai syurga makanan.
- (a) Apakah langkah-langkah dari pihak yang berkaitan untuk membendung masalah kebersihan gerai-gerai makanan dan restoran makanan yang semakin teruk?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. Kerajaan Negeri amat prihatin terhadap isu kebersihan gerai makanan dan restoran di Pulau Pinang. Melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP), beberapa inisiatif telah dilaksanakan bagi membendung masalah kebersihan gerai-gerai makanan dan restoran makanan. Antara langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:

(a) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)

- (i) Penjadualan tindakan pemantauan secara mingguan yang merangkumi kedua-dua daerah (Timur Laut dan Barat Daya). Pemeriksaan ini merangkumi aspek kebersihan premis dan pengendali makanan di samping melaksanakan pemarkahan dan penggredan ke atas setiap premis yang diperiksa;
- (ii) Memberi teguran dan nasihat secara lisan di lapangan kepada pengusaha premis-premis makanan supaya melaksanakan penambahbaikan bagi memastikan tahap kebersihan dan penyediaan makanan yang lebih

terjamin. Sewaktu pemeriksaan tersebut, MBPP akan menyerahkan sijil penggredan ke atas premis berkenaan untuk ditampal supaya orang awam lebih cakna dalam membuat pemilihan premis makanan yang bersih. Penggredan ini juga merupakan salah satu kaedah bagi menentukan premis yang layak untuk diberi pengiktirafan semasa Sambutan Hari Penjaja & Komuniti yang dianjurkan pada setiap tahun; dan

- (iii) Premis makanan yang memperoleh markah penggredan di bawah 50% daripada penilaian tahap kebersihan akan disenaraikan bagi tindakan penutupan di bawah Undang-Undang Kecil 38(1), Undang-Undang Establisyment Makanan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) 1991 dengan tempoh penutupan selama 14 hari bagi tujuan pembersihan.

(b) Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)

- (i) Melaksanakan penggredan premis makanan sepertimana yang termaktub di bawah Garis Panduan Sistem Penggredan Premis Makanan di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT);
- (ii) Melaksanakan kempen kesedaran dan program pendidikan kesihatan secara berterusan;
- (iii) Mengadakan dan menyertai operasi bersepadu bersama Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) secara berkala;
- (iv) Mengambil tindakan penguatkuasaan notis dan kompaun di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan Undang-Undang Kecil di bawahnya;
- (v) Menyediakan perkhidmatan suntikan *anti-typhoid* secara jumpa terus (*walk-in*) di Klinik Bandaraya pada setiap hari bekerja dan secara jangkau luar (*outreach*) mengikut jadual berkala;

- (vi) Menjalankan program penggredan di kompleks makanan milik MBSP; dan
- (vii) Menjalankan kerja-kerja menaik taraf kompleks makanan milik MBSP.

(c) Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP)

- (i) Penguatkuasaan Akta Makanan 1983 (Akta 281) dan peraturan-peraturan di bawahnya bagi melindungi masyarakat terhadap bahaya penipuan dalam penyediaan, penjualan dan penggunaan makanan serta perkara-perkara yang bersampingan dengannya. Pemantauan keselamatan dan kualiti makanan sentiasa dilaksanakan sepanjang rangkaian produk makanan yang dijual atau diedar kepada semua pengguna di Pulau Pinang;
- (ii) Pemeriksaan premis makanan merupakan satu aktiviti rutin bagi memastikan kebersihan premis berada pada tahap yang baik serta mematuhi Akta 281 dan Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009;
- (iii) Pemeriksaan premis makanan tahun 2023, meningkat sebanyak 28% iaitu sebanyak 5,745 buah premis makanan diperiksa berbanding tahun 2022 iaitu hanya sebanyak 4,484 buah premis telah diperiksa. Jumlah penutupan premis menurun dari 49 buah premis pada tahun 2022 ke 46 buah premis tahun 2023. Pada tahun 2023 juga, sebanyak 1,985 kompaun bagi kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan (PPKM) 2009 iaitu bernilai RM654,405.00 dan 114 kompaun bagi kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985 iaitu bernilai RM283,875.00 telah dijelaskan;
- (iv) Di samping menjalankan pemeriksaan rutin, JKNPP sentiasa meningkatkan penguatkuasaan ke atas kebersihan premis makanan secara bersepadu dengan agensi lain melalui Operasi Premis Makanan Bersih di seluruh negeri;

- (v) Aktiviti utama lain yang dijalankan adalah pensampelan makanan di punca (*sampling at source*) dan yang boleh mendatangkan risiko kepada rakyat. Antara jenis analisis yang diutamakan termasuklah:
- 1) Racun perosak dalam hasil pertanian;
 - 2) *Residue* dadah veterinar dalam hasil ternakan;
 - 3) Bahan terlarang dalam produk makanan kesihatan;
 - 4) Logam berat dalam produk makanan laut; dan
 - 5) Pencemaran mikrobiologi dalam makanan sedia dimakan.
- (vi) Pada tahun 2023, sebanyak 597 sampel makanan telah dianalisis dengan 44 (7.4%) pelanggaran ke atas Akta 281 dan peraturan di bawahnya berbanding 676 sampel dengan 38 (5.6%) pelanggaran dikesan pada tahun 2022; dan
- (vii) Pengiktirafan Premis Bersih dan Selamat (BeSS) juga diperkenalkan semenjak tahun 2013 untuk mengiktiraf premis-premis *outlet* yang mencapai tahap pemeriksaan yang memuaskan. Pada tahun 2023, jumlah pengiktirafan BeSS adalah sebanyak 92 buah premis berbanding tahun 2022 iaitu sebanyak 57 buah premis. Selain dengan pandangan mata kasar, rakyat boleh memastikan kebersihan premis makanan dengan melihat Pensijilan BeSS atau plak yang dipaparkan di premis-premis makanan yang telah diberi pensijilan BeSS.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(VIII)27

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

27. Kedai makan "mesra Muslim".

- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan kedai makan mesra Muslim yang akan diperbanyakkan di Pulau Pinang?
- (b) Apakah beza makanan yang dijual di gerai mesra Muslim dan Halal?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. (a) Perkataan mesra Muslim adalah konsep yang diperkenalkan oleh *Islamic Tourism Centre* (ITC) dalam pelaksanaan Penarafan Premis Penginapan Pelancong, iaitu Pengiktirafan Pelancongan dan Hospitaliti Mesra Muslim, *Muslim-Friendly Tourism and Hospitality Assurance and Recognition* (MFAR).

Konsep ini meliputi hotel / tempat penginapan yang mempunyai premis makanan / restoran yang memiliki Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) yang sah serta fasiliti mesra Muslim seperti tempat solat, tempat wuduk dan yang berkaitan.

Oleh yang demikian, kedai makan mesra Muslim yang dimaksudkan adalah kedai makan / restoran yang mempunyai SPHM yang sah. Penyedia perkhidmatan pelancongan perlu menyediakan senarai premis makanan / restoran yang memiliki SPHM sebagai pilihan kepada pelancong jika hotel / tempat penginapan mereka tiada SPHM.

- (b) Tiada perbezaan bagi makanan yang dijual di gerai mesra Muslim dan halal kerana setiap kedai mesra Muslim perlu memenuhi syarat SPHM.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(VIII)28

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

28. Nasib penarik beca dalam ekopelancongan.
- (a) Senaraikan penarik beca yang didaftar di Pulau Pinang.
 - (b) Apakah bantuan-bantuan yang boleh diperolehi dari Kerajaan Negeri untuk mereka bagi menarik minat pelancong?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

28. Pada masa ini, perkhidmatan beca di negeri Pulau Pinang hanya beroperasi di kawasan George Town dan Batu Ferringhi sahaja.
- (a) Jumlah semasa penarik beca berlesen di Pulau Pinang adalah seramai 73 orang seperti di **LAMPIRAN A**.
 - (b) Kerajaan Negeri komited menjaga kebajikan penarik beca di negeri ini dengan memberikan bantuan bulanan elaun penarik beca sebanyak RM200 kepada semua penarik beca yang berdaftar.

SENARAI PENARIK BECA 2024 (BATU FERINGGHI)

BIL	NAMA	ALAMAT
1	ABDUL RAZAK BIN CHE AMAT	NO 100, 11100, BATU FERRINGHI, PULAU PINANG, MALAYSIA
2	SAMAT BIN SAAD	128-A BATU FERRINGHI, 11100, BATU FERRINGHI, PULAU PINANG, MALAYSIA
3	ZULKIFLI BALAKRISHNABIN ABDULLAH	130, 11100, BATU FERRINGHI, PULAU PINANG, MALAYSIA
4	ABU BAKAR BIN JASSIN	128-B, 11100, BATU FERRINGHI, PULAU PINANG, MALAYSIA
5	KAMAR JAMAL DIN BIN ABDUL JABAR	DEKAT 127-F MK 17 KAMPUNG MUTIARA, 11100, BATU FERRINGHI, PULAU PINANG, MALAYSIA
6	AZMIL BIN ZULKIFLIBALAKRISHNA	130, 11100, BATU FERRINGHI, PULAU PINANG, MALAYSIA
7	ZULKIFLI BIN MOHAMED ELIAS	3B-G-3A DESA MARINA TELUK BAHANG, 11050, BALIK PULAU, PULAU PINANG, MALAYSIA
8	MOHD KHIR BIN JASSIN	NO.128-B, 11100, BATU FERRINGHI, PULAU PINANG, MALAYSIA
9	MUHAMAD NOOR HANAFIEBIN SALIMAN	NO 62 MK 17 KAMPUNG MUTIARA, 11100, BATU FERRINGHI, PULAU PINANG, MALAYSIA
10	MOHD IBRAHIM BIN YUSOFF	204-H, 11100, BATU FERRINGHI, PULAU PINANG, MALAYSIA
11	ISMADI BIN ISMAIL	208, 11100, BATU FERRINGHI, PULAU PINANG, MALAYSIA
12	ROJAHAN BIN AHMAD	128-G, KAMPUNG MUTIARA, 11100, BATU FERRINGHI, PULAU PINANG, MALAYSIA
13	ZURAIIDI BIN ZAINUDDIN	10-15-16, FLAT SERI PINANG EMAS, 11100, BATU FERRINGHI, PULAU PINANG, MALAYSIA
14	MOHD FAIZAL BIN AZIZ	454 B MUKIM 1 TELOK BAHANG, 11050, BALIK PULAU, PULAU PINANG, MALAYSIA
15	MUHAMMAD NAHAR BIN HAMIDON	201-N, 11100, BATU FERRINGHI, PULAU PINANG, MALAYSIA
16	JEFRI BIN IDRIS	705 MK 2 TELUK BAHANG, 11050, BALIK PULAU, PULAU PINANG, MALAYSIA
17	MAZAKI BIN ABDULRAHIM	124-F, 11100, BATU FERRINGHI, PULAU PINANG, MALAYSIA
18	MUHAMMAD HUSAINI BIN SALIMAN	NO 62 MK 17, 11100, BATU FERRINGHI, PULAU PINANG, MALAYSIA
19	ARMAN BIN ALIYAS	NO 65 JALAN HASSAN ABAS TELUK BAHANG, 11050, BALIK PULAU, PULAU PINANG, MALAYSIA
20	MUHAMAD NOR HANIF BIN SALIMAN	NO 62, MUKIM 17, 11100, BATU FERRINGHI, PULAU PINANG, MALAYSIA
21	SHAHIZAM BIN ABU HASSAN	7B-1-10 PALM COURT JALAN SERI TANJONG PINANG, TANJONG TOKONG PULAU PINANG, 10470, AYER ITAM, PULAU PINANG, MALAYSIA